

PERCUMA

PETI 2



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
JABATAN KEWANGAN NEGERI

COP
PENGESEHAN
BAYARAN
PENDAFTARAN
RM10.00

BAHAGIAN 1

BORANG CABUTAN UNDI LOT PERNIAGAAN PESTA PULAU PINANG 2019

PENERANGAN UNTUK MENGISI BORANG CABUTAN UNDI

1. Cabutan Undi ini terbuka kepada semua peniaga **Warganegara Malaysia / Penduduk Tetap** yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
2. **Borang Cabutan Undi** hendaklah diisi dengan lengkap, terang dan tandakan (✓) dalam petak-petak yang berkenaan.
3. Harga sewaan lot perniagaan telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Sektor Perniagaan & Taman Hiburan Pesta Pulau Pinang 2019 seperti di **Lampiran 1**.
4. Borang Cabutan Undi hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut :-

Dokumen Asas

- (i) 1 salinan kad pengenalan pemilik syarikat
- (ii) 1 keping gambar berukuran pasport terkini yang dilekatkan pada borang permohonan.

Dokumen Perniagaan

- (iii) 1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) yang masih sah laku.
- (iv) 1 salinan Maklumat Jenis Perniagaan yang dijalankan dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) mestilah bersamaan dengan perniagaan yang akan dijalankan semasa penganjuran Pesta Pulau Pinang 2019.
- (v) 1 salinan Maklumat Pemilik Masa Kini dan Maklumat Perniagaan yang masih berkuat kuasa.

Dokumen Kewangan

- (vi) **'Banker-Cheque'** atas nama **BENDAHARI NEGERI PULAU PINANG** dengan nilai yang telah ditetapkan di **Lampiran 1**. **'Banker-Cheque'** ini akan dikembalikan semula sekiranya pemohon gagal dalam proses cabutan undi. Bagi pemohon yang berjaya, *banker-cheque* ini akan dijadikan sebagai bayaran deposit. Sekiranya pemohon yang berjaya tidak menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, pemotongan deposit sebanyak **lima puluh peratus (50%) akan dikenakan sebagai penalti**.
- (vii) Salinan penyata akaun bank syarikat/pemilik **Julai 2019**.

Dokumen Sokongan

- (viii) **Senarai barangan dan harga** yang hendak dijual di Pesta Pulau Pinang 2019. Senarai barang mestilah sesuai dengan sektor yang hendak dipohon. Jawatankuasa Pesta Pulau Pinang 2019 berhak **menolak permohonan** sekiranya pemohon gagal mengemukakan senarai barang dan harga barang yang jelas.
 - (ix) Surat Akuan Pembida yang lengkap diisi oleh pemohon.
5. Semua dokumen asal seperti di perenggan 4 perlu dikemukakan sewaktu pendaftaran bagi tujuan semakan.
 6. Pendaftaran dan cabutan undi lot perniagaan Pesta Pulau Pinang 2019 akan dijalankan pada tarikh seperti berikut :

Bahagian 1

Tarikh : 11 September 2019 (Rabu)
 No Peti Undi : 1, 2, dan 3
 Tempat : Ruang Legar Aras 5 dan Auditorium A, C & F KOMTAR.
 Masa : 9.00 pg - 12.00 tgh – Pendaftaran
 2.00 ptg - 5.00 ptg - Cabutan Undi

7. Pemilik syarikat **DIWAJIBKAN** hadir semasa proses pendaftaran dan cabutan undi. Wakil syarikat tidak dibenarkan. Bagi syarikat **Sendirian Berhad / Berhad** wakil syarikat yang hadir hendaklah mengemukakan surat kebenaran daripada pihak syarikat. Surat tersebut hendaklah , menggunakan kepala surat syarikat dan perlu ditaip menggunakan komputer. Surat mestilah ditandatangani oleh ahli salah seorang daripada ahli Lembaga pengarah syarikat.
8. Setiap pemilik syarikat hanya dibenarkan mendaftar untuk **SATU** lot perniagaan dalam **Bahagian 1**. Jawatankuasa Sektor Perniagaan & Taman

Hiburan Pesta Pulau Pinang 2019 berhak membatalkan pendaftaran syarikat / tawaran lot sekiranya arahan ini gagal dipatuhi.

9. Setiap syarikat yang berjaya dikehendaki mematuhi semua syarat- syarat penyertaan Pesta Pulau Pinang 2019 seperti **Lampiran 2**.
10. Pesta Pulau Pinang 2019 akan bermula pada **1 Disember 2019 hingga 31 Disember 2019** iaitu selama **31 hari**. Operasi Pesta Pulau Pinang 2019 ialah bermula jam **6.00 petang hingga 11.00 malam**. Operasi Pesta Pulau Pinang tertakluk kepada perubahan Jawatankuasa Induk Pesta Pulau Pinang 2019.
11. Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi Jawatankuasa Sektor Perniagaan & Taman Hiburan Pesta Pulau Pinang 2019 di talian **04-2623505**.
12. Borang ini boleh dimuat turun secara **percuma** di Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) di alamat <http://ep.penang.gov.my>.
13. **Yuran penyertaan** untuk satu permohonan ialah **RM10.00** dan perlu **dijelaskan semasa pendaftaran** cabutan undi.

BAHAGIAN 1 : BUTIRAN PEMOHON

GAMBAR
PEMOHON
BERUKURAN
PASPORT

NAMA PEMOHON	<input type="text"/>
	<input type="text"/>
	<input type="text"/>
NO. KAD PENGENALAN	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>
JANTINA	<input type="checkbox"/> LELAKI <input type="checkbox"/> PEREMPUAN
WARGANEGARA (JIKA TIDAK NYATAKAN)	<input type="checkbox"/> YA <input type="checkbox"/> TIDAK
ALAMAT	<input type="text"/>
	<input type="text"/>
BANDAR	<input type="text"/>
POSKOD	<input type="text"/>
NEGERI	<input type="text"/>
NO. TELEFON BIMBIT	<input type="text"/> - <input type="text"/>
NO. TELEFON PEJABAT	<input type="text"/> - <input type="text"/>
NAMA SYARIKAT/ PERNIAGAAN	<input type="text"/>
	<input type="text"/>
	<input type="text"/>
NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	<input type="text"/>
JAWATAN DALAM SYARIKAT	<input type="text"/>
ALAMAT SYARIKAT	<input type="text"/>
PERNIAGAAN	<input type="text"/>
BANDAR	<input type="text"/>
POSKOD	<input type="text"/>
NEGERI	<input type="text"/>

BAHAGIAN III: MAKLUMAT *BANKER-CHEQUE*

TARIKH CEK : ____/____/____
BANK : _____
NOMBOR CEK : _____
NILAI CEK : RM _____

BAHAGIAN IV: PENGAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya nombor kad pengenalan
..... pemilik syarikat
..... mengaku dan mengesahkan bahawa semua
keterangan yang diberikan diatas adalah benar dan jika permohonan ini diluluskan,
saya berjanji dan bersetuju untuk **mematuhi syarat-syarat** seperti **Lampiran 2** dan
arahan-arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Saya juga faham
bahawa Jawatankuasa Pesta Pulau Pinang 2019 berhak menarik balik tawaran lot
perniagaan ataupun membatalkan permohonan saya ini jika keterangan diatas tidak
benar dan sekiranya syarat-syarat penyertaan tidak dipatuhi.

.....
(Tandatangan Pemohon)

SENARAI SEMAK

BI L	DOKUMEN	Pemohon (sila tanda (/))	Urusetia (sila tanda (/))
1	Borang Pendaftaran Cabutan Undi		
2	1 Salinan Kad Pengenalan Pemilik Syarikat		
3	1 keping gambar terkini berukuran pasport		
4	1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) yang masih sah laku.		
5	1 salinan Maklumat Jenis Perniagaan yang dijalankan dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) mestilah bersamaan dengan perniagaan yang akan dijalankan semasa penganjuran Pesta Pulau Pinang 2019.		
6	1 salinan Maklumat Pemilik Masa Kini / Maklumat Syarikat yang masih berkuat kuasa.		
7	Satu 'Banker-Cheque' atas nama BENDAHARI NEGERI PULAU PINANG yang bernilai sama dengan jumlah yang telah ditetapkan di Lampiran 1 .		
8	Senarai barang beserta harga barang yang hendak dijual di Pesta Pulau Pinang 2019		
9	Salinan penyata akaun bank syarikat/pemilik Julai 2019.		
10	Surat Akaun Pembida		

Tandatangan :
Pemohon

Nama :
Nombor Kad :
Pengenalan

Tarikh :

Cop Syarikat :

Tandatangan :
Urusetia

Nama Urusetia :
Cop :

JADUAL HARGA GERAI (BAHAGIAN 1)

NOMBOR GERAI	JENIS	SAIZ GERAI	HARGA SEWA	DEPOSIT	JUMLAH	NILAI BANKER CHEQUE	NOMBOR PETI
C9	Lot Gerai	10' x 40'	7,000.00	1,000.00	8,000.00	1,000.00	1
C10	Lot Gerai	10' x 20'	4,000.00	1,000.00	5,000.00		
C11 - C14	Lot Gerai	20' x 20'	5,000.00	1,000.00	6,000.00		
Z 1 – Z 13	Lot Gerai	12' X 16'	2,500.00	1,000.00	3,500.00	1,000.00	2
W1-W3	Belon gas udara (tapak khemah)	10' x 10'	4,000.00	1,000.00	5,000.00	1,000.00	3

- Bahagian 1 adalah Cabutan Undi bagi Sektor Terbuka kecuali **Produk Karpel, Toto, Produk Kayu, Jeruk dan Makanan Bermasak & Minuman.**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN
GERAI, PAMERAN DAN JUALAN
PESTA PULAU PINANG 2019**

LAMPIRAN 2

1. Bayaran sewa dan deposit hendaklah dijelaskan secara **bankers cheque** sahaja. Sekiranya bayaran tersebut tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan urusetia berhak membatalkan tawaran kepada Penggerai/Pengusaha dengan serta-merta. **(Pembayaran secara kredit terus atau online banking adalah tidak dibenarkan).**
2. Penggerai / Pengusaha boleh menuntut semula deposit **mulai 1 Mac 2020.**
3. Gerai-gerai akan diserahkan pada **26 November 2019 iaitu lima (5) hari sebelum Pesta 2019** bermula bagi membolehkan penggerai/ pengusaha memasukkan barang - barang jualan / pameran serta menghiasi gerai masing-masing.
4. Barang-barang hendaklah disusun kemas di dalam gerai / pavilion selewat-lewatnya pada **30 November 2019.**
5. Pemohon-pemohon yang berjaya akan diberi Borang Permohonan Pas Penggerai mengikut kouta yang telah ditetapkan. Pas perlu dibuat selewat-lewatnya 5 Disember 2019. Peniaga perlu membeli tiket masuk sekiranya gagal mempamerkan pas di pintu masuk.
6. Lain-lain borang berkaitan dengan gerai seperti dibawah boleh didapati di Urusetia Tapak Pesta :-
 - i. Borang Permohonan Pemasangan Elektrik
 - ii. Borang Aduan
7. Sepanjang berlangsungnya Pesta 2019 segala urusan kemasukan barang menggunakan kenderaan hanya dibenarkan masuk **jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.**
8. Semua penggerai / pengusaha makanan / minuman tidak dibenarkan menggunakan bekas **MAKANAN POLISTERIN** semasa menjalankan urusniaga. Penggunaan bekas Makanan/Minuman plastik juga tidak digalakkan.
9. Sebarang kehilangan dan kerosakan barang jualan adalah tanggungjawab sendiri.
10. Semua pengusaha / penggerai tidak dibenarkan bermalam di dalam gerai / pavilion / dewan masing-masing.
11. Semua penggerai / pengusaha dikehendaki **menyediakan plastik sampah masing-masing** dan tidak dibenarkan membuang sampah di merata-rata tempat. **Pengasingan sisa di punca** menjadi amalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Penggerai mestilah mematuhi arahan ini.
12. Sekiranya pihak penggerai / pengusaha ingin membuat penyambungan peralatan elektrik, sila maklum kepada urusetia dengan mengisi borang disediakan.
13. Semua bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya penggerai / pengusaha menarik diri selepas pendaftaran.
14. Urusetia telah menyediakan kipas angin dan lampu secukupnya didalam semua gerai. Jika berlaku kehilangan atau kerosakan, penggerai / pengusaha bertanggungjawab menggantikannya.
15. Segala kos mengecat, pemasangan karpet atau sebagainya adalah dibawah tanggungjawab penggerai/ pengusaha. Walau bagaimanapun penggerai/ pengusaha hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Urusetia terlebih dahulu. Penggerai / pengusaha tidak dibenarkan sama sekali mengubah struktur asal gerai / dewan tersebut.
16. Penggerai / pengusaha tidak dibenarkan sama sekali menjual barang-barang tiruan, tidak sah dan menyalahi undang-undang.
17. Penggerai / pengusaha yang menggunakan khidmat pekerja warganegara asing perlulah memastikan pekerja tersebut mempunyai permit kerja yang sah dan mematuhi Akta Imigresen.
18. Tidak dibenarkan "**sublet**" ruang yang telah disediakan.
19. Urusetia/jawatankuasa gerai juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kemalangan yang menimpa penggerai/ pengusaha sepanjang Pesta.
20. Penggerai / pengusaha perlu mengosongkan gerai / pavilion / kiosk dalam masa **lima (5) hari selepas tamat Pesta Pulau Pinang 2019, iaitu pada atau sebelum 5 Januari 2020.**
21. Pengusaha / Penggerai adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan syarat-syarat ini kepada semua kakitangan dibawah selian masing-masing.
22. Penggerai / pengusaha **TIDAK DIBENARKAN** melakukan promosi jualan di luar kawasan gerai / lot yang disewa.
23. Peniaga / pengusaha **TIDAK DIBENARKAN** membuat penambahan produk jualan selain dari produk yang dinyatakan dalam surat tawaran lot perniagaan.
24. Peniaga / pengusaha **TIDAK DIBENARKAN** membuat penambahan ruang perniagaan / khemah selain dari keluasan lot perniagaan yang ditawarkan.
25. Peniaga / pengusaha **TIDAK DIBENARKAN** membuat sebarang halangan di laluan pejalan kaki.
26. Peniaga / pengusaha yang ingin menggunakan peralatan siar raya hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Induk terlebih dahulu. Borang permohonan boleh didapati di pejabat urusetia.
27. Urusetia berhak menentukan tindakan kadar pemetongan deposit atau / dan denda bergantung kepada jenis kesalahan atau pelanggaran syarat penyertaan yang dilakukan.
28. Penggerai perlu mempamerkan harga produk jualan dengan jelas sebagaimana dinyatakan di dalam borang permohonan.
29. Penggerai/pengusaha perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan oleh pihak urusetia pesta. Pihak urusetia berhak untuk **menguatkuasakan/ meminda / menambah** mana-mana **syarat** yang bersesuaian dengan keperluan semasa selain syarat-syarat yang digariskan dalam dokumen ini.

(Tertakluk kepada sebarang perubahan syarat dari semasa ke semasa)

SURAT AKUAN PEMBIDA

BAGI

NO. CABUTAN UNDI : 9/2019
CABUTAN UNDI LOT PERNIAGAAN SEMPENA PESTA PULAU PINANG 2019
TAPAK PESTA, SUNGAI NIBONG

Saya, nombor K.P. yang mewakili Syarikat nombor Pendaftaran Syarikat dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
 Nama :
 No. K/P :
 Cop Syarikat :

*Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.*

